

Kenaikan gaji kakitangan awam

# Peniaga jangan ambil kesempatan naik harga

Abdullah arah penguat kuasa pantau barang keperluan harian

BH-22/5/2007

Oleh Wan Hazmir Bakar,  
Shamshul Azree Samshir dan  
Azrul Affandy Sobri

**P**UTRAJAYA: Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi yang mengumumkan kenaikan gaji untuk lebih sejuta kakitangan awam semalam, mengingatkan peniaga supaya tidak mengambil kesempatan menaikkan harga barang dan perkhidmatan.

Perdana Menteri yang juga Menteri Kewangan berkata, peniaga sebaliknya patut berusaha mengekalkan harga barang pada paras semasa supaya lebih ramai pengguna mampu membeli, sekali gus meningkatkan hasil jualan mereka.

"Kalau harga barang tak naik, orang yang ada duit akan dapat beli lebih banyak. Orang yang sebelum ini tak mampu beli pun boleh beli. Kalau naik harga, orang yang cadang nak beli pun mungkin tak jadi beli. Kalau dulu nak beli dua atau tiga, sekarang beli satu saja.

"Nasihat saya kepada peniaga, kekalkan harga pada paras sama maka lebih banyak barang yang akan laku," katanya berucap pada perhim-

punan Hari Pekerja 2007 Sektor Awam di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya (PICC), di sini, semalam.

Abdullah berkata demikian sebagai reaksi terhadap tindakan sebilangan peniaga yang sudah pun mula menaikkan harga barang berikutan persetujuan kerajaan awal bulan ini untuk memberi kenaikan gaji kepada kakitangan awam.

Sehubungan itu, Perdana Menteri berkata kemampuan bahagian penguat kuasa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna akan ditingkatkan bagi memantau serta menangani tindakan peniaga yang tidak bertanggungjawab.

Pada masa sama, Abdullah meminta rakyat supaya menjadi pengguna yang berhemat dan menggunakan kuasa beli mereka sebagai pengguna bagi memerangi tindakan peniaga menaikkan harga barang sewenang-wenangnya.

Katanya, mereka bukan saja perlu melaporkan perkara tidak bertanggung jawab seperti itu kepada pihak penguat kuasa, malah boleh memboikot kedai yang menaikkan harga serta pergi berbelanja di tempat lain.

"Rakyat harus mengguna kuasa mereka sebagai pengguna secara bijaksana. Dedahkan peniaga yang tidak bertanggungjawab supaya pengguna lain tidak akan lagi berurusan dengan mereka.

"Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna juga harus meningkatkan pemantauan serta berusaha mendidik pengguna mengenai hak dan kuasa mereka supaya tidak menjadi mangsa peniaga tidak bertanggungjawab," katanya.

Sementara itu, Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Mohd Shafie Apdal memberi amaran keras kepada peniaga untuk tidak menaikkan harga barang sewenang-wenangnya berikutan pengumuman kenaikan gaji kakitangan awam.

Beliau berkata, kementerian akan mengambil tindakan tegas dan mengenakan hukuman setimpal jika mendapati ada di peniaga yang dilaporkan menggunakan kesempatan itu untuk menaikkan harga barang dan perkhidmatan.

"Kementerian tidak akan teragak-agak bertindak terhadap mereka yang menaikkan harga dan penguat-

kuasaan menyeluruh melalui Bahagian Penguat Kuasa kementerian akan digerakkan untuk memastikan perkara ini tidak berlaku.

"Malah, masyarakat juga digalakkan menghubungi kementerian untuk membuat aduan jika mendapati berlaku kenaikan harga atau penipuan terhadap barangan mereka seperti mengurangkan saiz makanan dan sebagainya," katanya ketika dihubungi *Berita Harian*.

Mohd Shafie berkata, pengguna adalah golongan paling tepat untuk menghalang berlaku kenaikan harga kerana mereka lebih dekat dengan situasi sebenar dan merasai sendiri perubahan yang berlaku di pasaran.

"Jika pengguna merasakan ada berlaku penipuan harga makanan, mereka boleh bertindak untuk tidak mengunjungi lagi restoran terbabit.

"Bagaimanapun, ini bukan bermakna kementerian lepas tangan dan melonggarkan penguatkuasaan kerana saya sudah mengarahkan seluruh jentera penguat kuasa untuk membuat pemeriksaan termasuk di pedalaman bagi membendung berlakunya kenaikan harga," katanya.